

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: COB - Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan
Sent: Monday, February 20, 2017 5:38 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Prof. Dr. Haim Hilman bin Abdullah; Dr. Abdul Rahman b. Jaaffar; Hanizaton Bt Hassan
Subject: SBM TANDATANGANI LOI DENGAN CELCOM AXIATA BERHAD



**Pusat Pengajian Pengurusan
Perniagaan**

SCHOOL OF BUSINESS MANAGEMENT

Universiti Utara Malaysia

20 Februari 2017 | 23 Jamadilawal 1438H

=====

UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera

Yang Berusaha Prof./Prof. Madya/Tuan/Puan

SBM TANDATANGANI LOI DENGAN CELCOM AXIATA BERHAD



SBM ONLINE: Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan (SBM) dengan kerjasama strategik melalui Jawatankuasa Hubungan Industri dan juga pihak Kelab Keusahawanan Korporat Pelajar (ECC) serta pihak CEDI bersama unit ENACTUS dan CELCOM AXIATA BERHAD telah menandatangani LOI (Letter of Intent) pada 20 Februari 2017 bertempat di SBM.

Majlis dihadiri oleh Profesor Dr. Haim Hilman Abdullah, Dr. Abdul Rahman Jaaffar, Dr. Abdul Manaf Bohari, Prof. Madya Dr. Kamal Ab. Hamid yang mewakili SBM, En. Fadzil Mohd. Husin dan Dr. Abdul Rahman Jaaffar mewakili CEDI, Kelab Keusahawanan Korporat SBM (ECC) diwakili oleh Presiden dan Timbalan Presiden iaitu Cik Aqilah dan Che Asmaa dan akhir sekali Enactus, CEDI diwakili oleh Presiden mereka iaitu Jared Loh.

Manakala pihak Celcom diwakili oleh En. Areehan Abdullah, Ketua Jabatan Hubungan Sektor Awam, En. Fadzly, Pengurus Hubungan Sektor Awam dan En. Yushanini Yusof, Pengurus Jualan Wilayah Utara.

Menurut Dekan SBM iaitu Prof. Dr. Haim Hilman Abdullah kerjasama dalam aspek Akademik iaitu aspek RTC (Research, Training and Consultancy) akan diberi penumpuan oleh SBM dan aktiviti-aktiviti pelajar berkenaan keusahawanan bersama Celcom akan diambil peranan oleh Kelab Keusahawanan Korporat Pelajar (ECC). Dr Abdul Rahman Jaaffar yang mewakili pihak Jawatankuasa Hubungan Industri SBM dan juga pihak Enactus, CEDI menegaskan bahawa hubungan dengan industri akan melibatkan semua peringkat di dalam universiti termasuk ahli akademik, PTJ yang berkaitan beserta pihak pelajar sendiri.

Di akhir majlis, upacara menandatangani (LOI) disempurnakan oleh En. Areehan Abdullah mewakili CELCOM AXIATA BERHAD dan Prof. Dr. Haim Hilman Abdullah mewakili pihak SBM, UUM. Serentak dengan itu, sementara menunggu majlis menandatangani MOU (Memorandum Persefahaman), inisiatif-inisiatif yang bersesuaian akan terus dijalankan seperti aktiviti Biz Talk, aktiviti Pembangunan Keusahawanan Pelajar dan juga aktiviti kolaborasi yang melibatkan akademik.

=====



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM

accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.